

# Tokoh paling berjasa

## Pemergian Tun Ghafar kehilangan besar untuk negara: PM

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kepulangan Tun Ghafar Baba ke rahmatullah sebagai kehilangan besar kepada negara kerana Allahyarham ialah seorang pejuang kemerdekaan dan pemimpin berjasa kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama atau keduaiukan.

Perdana Menteri berkata, beliau dan rakyat berasa dukacita dengan pemergian seorang pejuang bangsa dan tokoh negara yang banyak berjasa serta dihormati semua lapisan rakyat.

"Saya percaya rakyat Malaysia terkejut dan sedih mendengar berita Tun Ghafar kembali ke rahmatullah. Pemergiannya ialah satu kehilangan besar kepada negara dan rakyat Malaysia.

"Kita akan kenang Allahyarham sebagai pejuang kemerdekaan negara dan pemimpin yang banyak ber-

bakti kepada rakyat dan negara sepanjang hayatnya.

"Beliau banyak berjasa kepada negara dan rakyat tanpa mengira kaum dan agama, sama ada rakyat biasa atau berpangkat, kaya atau miskin, semuanya diberi tempat yang baik," katanya kepada pemberita di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara di mana jenazah Allahyarham ditempatkan untuk penghormatan terakhir, petang semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri selaku wakil kerajaan, menyambut kedatangan dan menerima jenazah Tun Ghafar daripada ketua keluarga Allahyarham, Tamrin Ghafar, untuk pengebumian mengikut istiadat pengebumian pembesar negara di Makam Pahlawan.

Abdullah berkata, sebagai bekas Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar banyak berjasa kepada Umno dan BN serta menjadi faktor 'penstabil' di

kalangan partikomponen.

"Umnokini kehilangan seorang tokoh besar dalam parti, seorang ahli dan pemimpin yang berjuang mendapatkan kemerdekaan dan kekal setia kepada parti baik semasa senang mahupun semasa susah, baik ketika memegang jawatan penting dalam kerajaan dan parti mahupun ketika menjadi ahli biasa.

"BN juga kehilangan seorang tokoh yang memperlihatkan kematangan yang sentiasa menyampaikan suara perimbangan terutama dalam perkara yang menyentuh isu sensitif berkaitan agama, kaum, budaya dan bahasa," katanya.

Abdullah juga turut menyampaikan takziah dan menyatakan penghargaan kepada keluarga Tun Ghafar kerana merelakan Allahyarham berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri juga mendoakan semoga keluarga Allahyarham dibe-

rikan ketabahan, kesabaran dan ketenangan untuk menghadapi ujian Allah.

"Saya ambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada keluarga Tun kerana merelakan Allahyarham memberi masa yang banyak kepada parti, sehingga mengorbankan kesenangannya sendiri.

"Bagi pihak negara dan rakyat, dengan penuh rasa hiba, saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai penghargaan kepada Tun Ghafar kerana khidmat dan jasanya kepada negara dan rakyat, kerajaan memutuskan urusan pengebumian diberikan status pengebumian negara dan jenazah disemadikan di Makam Pahlawan.

"Esok di Parlimen, saya akan membawa usul ucapan takziah dan penghargaan ke atas jasa Allahyarham kepada negara," katanya.